



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT

**MAJLIS KONVOKESYEN KE - 22
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

DEWAN AL-JAZARI

SIDANG 13

**10 DISEMBER 2021 (JUMAAT)
3.00 PETANG**

**YBrs. MEJAR (K) MOHD NOOR BIN SHAHUDIN
PENGARAH KANAN (AKADEMIK)
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Terima kasih Pengacara Majlis.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Yang Berusaha Technologies Roseman bin Mat Jidin
Timbalan Pengarah Akademik

Ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan, para pensyarah dan
kakitangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Yang diraikan ibu bapa dan barisan graduan

Serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya merafakkan rasa syukur kerana diberi keizinan oleh-Nya untuk bersama-sama meraikan Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) ke-22. Bersempena detik yang bersejarah ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada semua graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan. Kepada graduan yang dihormati sekalian, ingatlah bahawa penganugerahan ijazah, diploma dan sijil hanyalah satu permulaan. Dengan bekalan ilmu yang ada, anda sekalian akan mula belajar membina kehidupan yang lebih bermakna. Ingatlah ketika saudara dan saudari berada dalam masyarakat, selain membawa nama keluarga juga membawa nama Politeknik.

Para Graduan, Ibuluba dan sidang hadirin sekalian,

2. Sebagai sebuah jabatan yang menguruskan sebuah keluarga besar institusi pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi iaitu sebanyak **36 Politeknik dan 104 Kolej Komuniti seluruh Malaysia,**

tanggungjawab untuk melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang merupakan antara misi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang utama. Setakat ini, jumlah graduan Politeknik adalah 609,617 orang (1969-Jun 2020) dan 179,155 orang graduan daripada Kolej Komuniti (2003-Jun 2020). JPPKK mempunyai kekuatan Pensyarah Politeknik seramai 7,419 orang manakala Pensyarah Kolej Komuniti seramai 2,800 orang. Keluarga besar ini telah melonjak kejayaan dalam pelbagai lapangan.

3. Suka saya nyatakan di sini bahawa sebanyak 10 buah politeknik termasuk PSA telah berjaya memperolehi pengiktirafan akreditasi di peringkat antarabangsa daripada **Asia Pacific Accreditation and Certification Commission** (APACC). Tahniat PSA kerana berjaya mengekalkan **Anugerah Emas** pada tahun 2014 dan 2019. Suatu kejayaan yang membanggakan. Pengiktirafan antarabangsa APACC ini telah membuktikan Politeknik Malaysia mampu berdaya saing sehingga ke peringkat antarabangsa dan juga sebagai penanda

aras kecemerlangan institusi TVET di rantau Asia Pasifik dari aspek kualiti, kebertanggungjawaban dan kepercayaan awam terhadap Politeknik Malaysia.

4. Kerajaan juga komited untuk memperkasakan TVET khususnya di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Ini boleh dilihat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia ke-12, Pelan Tindakan Keusahawanan 2021-2025, Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 dan penubuhan **Majlis TVET Negara (MTVET)**. Di bawah MTVET, sebanyak 11 Kementerian yang terlibat dan dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Manakala Jawatankuasa Eksekutif MTVET pula dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Pengajian Tinggi dan Menteri Sumber Manusia. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam memperkasa ekosistem pendidikan dan latihan TVET di negara ini. Saya yakin, InshaAllah suatu hari nanti kita akan dapat melihat hasil daripada objektif penubuhan MTVET seperti penyelarasan

antara semua agensi TVET, penggunaan sumber kerajaan secara optimum, peningkatan gaji graduan TVET dan laluan kerjaya yang lebih jelas dan terjamin untuk graduan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Dalam mendokong aspirasi MTVET, **Pusat Bertauliah PSA** yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia sedang giat menjalankan program *Preparing The Experts* di bawah peruntukan dana sebanyak RM2.2 juta. Pusat ini berperanan meningkatkan kemahiran dan kepakaran graduan sekali gus menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran. Saya menyeru agar semua graduan untuk mengambil peluang menyertai program di bawah Pusat Bertauliah ini.
6. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada **Centre for Medical Electronic Technology (CMET)** PSA yang telah mendapat pengiktirafan MS ISO/IEC

17025:2015 daripada Jabatan Standard Malaysia untuk menawarkan khidmat kepakaran penentukuran (*calibration*) peralatan pengujian biomedikal yang kompeten dan bermutu di Asia. Semoga pusat ini akan terus berkembang sebagai pusat penyelidikan dan latihan dalam bidang teknologi perubatan yang terkemuka di dalam dan juga di luar negara.

7. Di samping itu, PSA juga komited dalam melahirkan **graduan Tahfiz TVET** melalui program Technohuffaz. Program yang memberi peluang kepada pelajar politeknik untuk mengikuti program huffaz diharap akan melahirkan graduan TVET yang global dan holistik serta membina masyarakat yang '*multi-tasking*' dan '*multi-skilling*' dalam mendepani cabaran global. Tahniah saya ucapkan kepada Saudara Muhammad Firdaus Naim bin Yuswan, graduan sulung Politeknik Malaysia yang telah berjaya menghafaz 30 juzuk Al-Quran sekali gus dianugerahkan dua sijil iaitu Diploma Pengajian Perniagaan dan Sijil Tahfiz Malaysia dari Darul Quran JAKIM. Harapan saya,

program ini akan dapat diperluaskan sekali gus melahirkan lebih ramai teknokrat huffaz di negara ini.

Graduan, Ibu bapa dan Hadirin yang dihormati,

8. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua graduan PSA atas pencapaian **kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi iaitu 97.8% pada tahun 2021**. Kadar ini sangat membanggakan terutamanya ketika kita masih bergelut dengan situasi yang sangat mencabar akibat pandemik COVID-19.

9. Akhirnya, saya mendoakan semoga saudara dan saudari sekalian akan terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi selepas ini.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.